



PENGHAYATAN ELEMEN SUMPAH RABBANI SEBAGAI TERAS PEMBENTUKAN TAPAK INTEGRASI DALAM MASYARAKAT MALAYSIA

***Siti Aisyah Yusof¹, Muhammad Saiful Islami Mohd Taher², Sakinatul Raadiyah Abdullah³ & Izatul Akmar Ismail⁴**

^{1,2,3,4}Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Merbok, Kedah, Malaysia.

Article Info	ABSTRAK
Article history: Received: 15 April 2024 Revised: 15 Mei 2024 Accepted: 28 May 2024 Published: 1 June 2024 Keywords: Perlembagaan Malaysia, Sumpah Rabbani, tapak integrasi  OPEN ACCESS	Perkara 37 Perlembagaan Malaysia menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan sebelum menjalankan fungsi baginda. Sumpah yang dilafazkan oleh pemimpin dalam perlembagaan Persekutuan dilakukan bagi menjamin perpaduan dalam masyarakat dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Objektif kajian ini adalah untuk membicarakan elemen sumpah sebagai teras pembentukan tapak integrasi dalam masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum. Metodologi kajian adalah menggunakan rekabentuk deskriptif dan menggunakan pendekatan analisis kandungan kualitatif melalui kaedah menganalisis dokumen-dokumen yang berkaitan seperti jurnal, buku-buku dan sebagainya. Dapatan kajian menunjukkan sumpah Rabbani Yang di-Pertuan Agong sangat berkait rapat dengan beberapa elemen tradisi yang menjadi teras pembentukan tapak integrasi dalam masyarakat Malaysia iaitu Islam sebagai agama Persekutuan (Perkara 3), Institusi diRaja sebagai ketua bagi agama Islam, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan hak keistimewaan Bangsa Melayu dan bumiputra. Justeru sumpah yang dilafazkan sangat penting untuk dihayati sebagai teras perpaduan masyarakat di Malaysia.
Article Info	ABSTRACT
	Article 37 of the Perlembagaan Malaysia states that the Yang di-Pertuan Agong must take and sign the oath of office before performing his functions. The oath taken by the leader as stipulated in the Federal Constitution is made to ensure the effective implementation of unity within society. This study aims to discuss the elements of the oath as the foundation for the establishment of integration within Malaysian society, which comprises various ethnic groups. The study's methodology uses a descriptive design and adopts a qualitative content analysis approach by examining relevant documents such as journals, books, and so on. The study's findings indicate that the sacred oath of the Yang di-Pertuan Agong is closely related to several traditional elements that form the foundation of integration within Malaysian society, namely Islam as the religion of the Federation (Article 3), the Royal Institution as the head of the Islamic faith, Malay as the national language, and the special rights of the Malays and Bumiputera. Therefore, the oath taken must be understood as a foundation for societal unity in Malaysia.

Corresponding Author:

*Siti Aisyah Yusof,
Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus
Sungai Petani, Merbok, Kedah, Malaysia.
Email: aisyah421@uitm.edu.my



Creative Commons Attribution 4.0 International

DOI 10.5281/zenodo.10619388

PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada berbilang bangsa. Kepelbagaian bangsa yang wujud dalam masyarakat melahirkan budaya atau cara hidup yang berbeza-beza antara satu sama lain. Perbezaan yang wujud ini memerlukan sesuatu sebagai tapak yang kukuh dalam memupuk perpaduan dan menjamin keharmonian dalam negara. Perkara ini sangat penting bagi menjamin kestabilan dan keamanan antara masyarakat di Malaysia bagi memaju negara ke arah kemajuan seiring dengan peredaran semasa. Antara perkara yang bersumberkan unsur tradisi dan terkandung dalam perlembagaan Malaysia ialah menyentuh elemen agama, keistimewaan orang Melayu, Bahasa Melayu dan kedudukan raja-raja. Manakala unsur yang mengikat elemen-elemen tradisi ini adalah lafaz ikrar oleh Yang di-Pertuan Agong yang disebut sebagai sumpah dalam Perlembagaan Persekutuan. Sumpah tersebut mulai dikenali dengan nama Sumpah Rabbani apabila ia dikaitkan dengan lafaz sumpah yang menyebut kalimah Allah dalam perlembagaan iaitu istilah 'Wallahi, wabillahi, watallahi. Oleh itu, kajian ini akan melihat perkaitan sumpah tersebut dengan elemen tradisi dan bagaimana ia berperanan sebagai unsur utama dalam pembentukan tapak integrasi dalam masyarakat di Malaysia.

LITERATURE REVIEW

Sorotan kajian adalah melihat kepada makna dan konsep perlembagaan, perlembagaan sebagai tapak integrasi, elemen tradisi dalam perlembagaan dan sumpah dalam perlembagaan.

MAKNA DAN KONSEP PERLEMBAGAAN

Perlembagaan merupakan satu dokumen yang mengandungi semua susunan peraturan dan undang-undang dasar yang dianggap penting bagi sesebuah pemerintahan dan pentadbiran negara. Ia memainkan peranan penting dalam menentukan bidang kuasa pemerintahan, membentuk sebuah kerajaan dan hak-hak rakyat. Selain itu, perlembagaan yang menjadi undang-undang dasar negara inilah membantu menentukan cara pemerintahan sebuah negara dilaksanakan. Dalam perlembagaan juga turut menerangkan kuasa-kuasa yang dimiliki oleh pelbagai anggota negara, hak-hak yang dipunyai oleh orang yang diperintah serta perhubungan antara yang memerintah dengan yang diperintah (Mohd Syariefudin Abdullah, Mohamad Kamal Kamaruddin, Ahmad Sohaimi Lazim, 2009).

Menurut Md. Bohari Ahmad pula, perlembagaan merupakan satu dokumen yang mengandungi semua undang-undang asas negara dan jika ia tidak dapat ditunaikan, maka perlembagaan tersebut tidak bermakna (Mohd Syariefudin Abdullah *et.al.*, 2009). Hashim Yeop Sani (1983) pula berpendapat perlembagaan bukan hanya melibatkan apa-apa perkara yang berkenaan dengan urusan kerajaan, rangka-rangka demokrasi dan perlindungan akan hak-hak rakyatnya tetapi ianya adalah sebuah dokumen yang mengandungi peruntukan-peruntukan asas tertentu secara tersendiri bagi mencerminkan pertimbangan-pertimbangan suasana muhibah, penerimaannya yang murni dan kesefahaman antara rakyatnya (Nazri Muslim, *et al* 2011). Mohd Ashraf Ibrahim *et.al* (2018) dan Nazri Muslim (2011), menjelaskan pandangan Wheara. K.C. mengenai perlembagaan sebagai kumpulan undang-undang, institusi dan adat yang berpunca daripada pemikiran tetap yang membentuk

sistem umum. Ia digunakan untuk memperlihatkan keseluruhan sistem pemerintah sesebuah negara iaitu suatu himpunan kaedah yang menubuhkan dan mengawal sesebuah kerajaan. Sistem tersebut memainkan peranan untuk membentuk, mengatur atau memerintah dalam pemerintahan sesebuah negara.

Perlembagaan turut diterjemahkan sebagai suatu suratan atau dokumen yang mengandungi semua undang-undang tertinggi yang penting bagi penubuhan dan kewujudan sesebuah negara dan sistem politiknya. Perlembagaan negara juga menjadi undang-undang utama dalam proses menubuhkan semua undang-undang dalam negara berkenaan. Ia memainkan peranan sebagai tonggak utama perundangan yang mana memberi kesan kepada undang-undang lain (Nazri Muslim, 2011). Justeru itu, ia memberi kesan pada undang-undang persekutuan atau negeri mengenai sesuatu perkara jika undang-undang itu bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia boleh diisytiharkan sebagai tidak sah setakat mana undang-undang tersebut bercanggah. Ini kerana perlembagaan memperuntukkan dengan nyata **Perkara 4(1)** bahawa Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang utama persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan yang berlawanan dengan perlembagaan ini terbatal setakat mana yang berlawanan itu. Perkara yang sedemikian itulah dikatakan sebagai **“keluhuran perlembagaan”** (Shamsul Amri Baharuddin, 2007). Mohd Syariefudin Abdullah, Mohamad Kamal Kamaruddin dan Ahmad Sohaimi Lazim (2009), menyebut pendapat Professor Dicey terhadap undang-undang perlembagaan. Menurut beliau, undang-undang perlembagaan mengandungi dua prinsip sahaja iaitu:

- a) Prinsip kedaulatan parlimen
- b) Prinsip undang-undang

Oleh yang demikian, Setiap negara memerlukan perlembagaan bagi menjamin kestabilan politik serta membantu sistem pemerintahan negara dilaksanakan dengan cekap dan adil. Keperluan perlembagaan amat jelas diperlukan oleh negara lebih-lebih lagi yang mempunyai rakyat berbilang etnik seperti Malaysia. Ini kerana perlembagaan dapat membantu mewujudkan suatu rangka politik, ekonomi dan sosial yang dapat memudahkan perpaduan nasional dan pembangunan negara serta melindungi kepentingan semua kumpulan etnik (Shamsul Amri Baharuddin, 2007).

PERLEMBAGAAN SEBAGAI TAPAK INTEGRASI

Sebelum memahami perlembagaan sebagai tapak integrasi, seharusnya makna tapak dan integrasi diperhalusi. Perkataan ‘Tapak’ adalah merujuk kepada makna bekas, jejak, kesan dan tanda. Istilah integrasi pula merujuk kepada gabungan dua atau beberapa kaum atau unsur (bahagian dan lain-lain) menjadi satu kesatuan. Oleh itu, makna berintegrasi membawa erti bergabung supaya menjadi kesatuan. Dengan itu, tapak integrasi dapat ditakrifkan sebagai asas yang menjadi tanda atau lambang kepada perpaduan kaum di negara ini (Siti Zaharah Setapa 2022). Menurut Ateerah Abdul Razak *et.al.* (2021), tapak integrasi merupakan satu ruang abstrak dan nyata untuk memberi peluang kepada pelbagai kelompok masyarakat yang berbeza kepercayaan agama, etnik dan politik bertemu dan mencari kata sepakat secara aman tanpa pertumpahan darah.

Antara tapak integrasi yang menjadi titik pertemuan antara pelbagai kelompok dan lebih bersifat dasar untuk mengintegrasikan masyarakat yang pelbagai adalah melibatkan peranan dari pihak Kerajaan. Kerajaan berperanan besar untuk menggubal undang-undang atau peraturan bagi menyediakan tapak integrasi untuk rakyat menyelesaikan isu-isu yang wujud (Ateerah Abdul Razak *et.al.*, 2021). Undang-undang utama yang berperanan sebagai tapak integrasi di Malaysia ialah perlembagaan Persekutuan. Menurut Prof Dr Mansor Mohd Noor (2018), Perlembagaan Persekutuan dipegang sebagai panduan hidup bernegara dalam aman damai dan perpaduan. Ini kerana, dalam Perlembagaan Persekutuan terkandung 4 pasak negara yang dikenali sebagai tiang seri perlembagaan iaitu Institusi Beraja, Agama Islam, Bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu. Tiang seri ini menjadi simbol perpaduan, keluhuran perlembagaan dalam prinsip Rukun Negara sebagai ejen penyatuan masyarakat berbilang kaum di negara.

Antara contoh kandungan lain dalam perlembagaan yang penting bagi mewujudkan penyatuan masyarakat majmuk ialah Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan menjamin hak kesamarataan (Azhar Abdul Aziz *et.al.*, 2020) yang amat penting bagi mengelakkan berlaku diskriminasi dan ketidakadilan kepada rakyat termasuklah dari segi agama, bangsa, keturunan dan jantina. Ini menunjukkan Perlembagaan Persekutuan memainkan

peranan penting bagi mewujudkan persetujuan dan persefahaman antara pelbagai bangsa yang hidup di negara ini.

ELEMEN TRADISI DALAM PERLEMBAGAAN SEBAGAI TIANG SERI PERLEMBAGAAN

Terdapat beberapa elemen tradisi yang dijadikan sebagai tiang seri perlembagaan. Elemen tradisi ini juga menjadi suatu identiti khusus bagi negara berdaulat ini. Elemen ini menjadi prasyarat kepada pemuafakatan serta persefahaman yang dapat diterima oleh orang Melayu dan bukan Melayu serta menjadikan masyarakat di Malaysia saling bertaup untuk mengangkat martabat negara di mata dunia. Empat elemen tradisi tersebut ialah (Mohd Ashraf Ibrahim *et.al.*, 2017):

(a) Institusi beraja

Institusi beraja adalah elemen tradisi yang diambil sebelum kedatangan penjajah, iaitu negeri-negeri Melayu mengamalkan sistem pemerintahan beraja dan raja berkuasa atau berdaulat secara mutlak dalam semua urusan pemerintahan dan pentadbiran negeri (Mohd Ashraf Ibrahim *et.al.*, 2017). Setelah merdeka, institusi pemerintahan beraja terus dikekalkan mengikut lunas-lunas perlembagaan selaras dengan sistem demokrasi berparlimen yang dikenali sebagai sistem Raja Berpelembagaan. Di dalam perlembagaan Persekutuan, **Perkara 32**, Institusi Yang di-Pertuan Agong diwujudkan dipilih secara bergilir-gilir setiap lima tahun sekali daripada kalangan raja-raja Melayu. Namun begitu, Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu tidak mempunyai kuasa mutlak lagi kerana dihadkan oleh perlembagaan. Mereka hanya memenuhi fungsi simbolik dalam sistem pemerintahan demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia. Namun demikian, setiap perkara yang ingin dilaksanakan oleh pemerintah perlu mendapatkan persetujuan daripada Majlis Raja-raja termasuklah perkara yang menyentuh hak kedaulatan raja-raja Melayu, kedudukan orang Melayu dan beberapa perkara yang dianggap sensitif dalam perlembagaan (Mohd Syarifuddin Abdullah *et.al.*, 2009).

(b) Agama Islam

Agama Islam telah menjadi agama yang dianuti oleh orang Melayu sejak lebih 500 tahun yang lalu, dan masih tetap kuat berpegang kepada ajaran Islam walaupun Tanah Melayu dijajah oleh tiga kuasa asing iaitu Portugis, Belanda dan British. Bahkan semasa penjajahan, kedudukan agama Islam tidak diganggu dan segala urusan diserahkan kepada raja-raja Melayu meskipun British berjaya mendapatkan hak untuk menasihati raja dalam semua urusan pemerintahan. Selepas merdeka, kedudukan agama Islam terus dipelihara dan dalam Perlembagaan Persekutuan, **Perkara 3** menjelaskan agama Islam menjadi agama rasmi persekutuan Malaysia. Penerimaan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan membolehkan kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri menubuhkan, menyelenggara dan membantu pertubuhan-pertubuhan Islam seperti peruntukan perbelanjaan bagi keperluan majlis-majlis keagamaan (Zaid Ahmad *et.al.*, 2006; Mohd Syarifuddin Abdullah *et.al.*, 2009). **Perkara 3** Perlembagaan Malaysia turut diimbangi dengan **Perkara 11** (Azhar Abdul Aziz *et.al.*, 2021) iaitu:

- (i) Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal 4 mengembangkannya.
- (ii) Tiada seorang pun boleh dipaksa membayar apa-apa cukai yang hasilnya diperuntukkan khas kesemuanya atau sebahagiannya bagi maksud sesuatu agama selain agamanya sendiri.

(c) Bahasa Melayu

Bahasa Melayu menjadi *lingua franca* di Alam Melayu sejak berabad-abad lama dan digunakan dengan meluas dalam urusan pentadbiran, perhubungan luar dan perdagangan orang Eropah ke Alam Melayu serta menjadi bahasa ilmu (Mohd Syarifuddin *et.al.*, 2009). Peruntukan khas yang dimasukkan ke dalam Perlembagaan berkenaan dengan Bahasa Melayu telah mengurangkan kegusaran cendekiawan Melayu atas penghakisan sedikit demi sedikit penggunaan Bahasa Melayu sejak kedatangan penjajah Barat. Bahasa Melayu dijadikan Bahasa kebangsaan Persekutuan di bawah **Perkara 152 (1)**:

“Bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan akan kekal seperti itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Parlimen. Peruntukan (a) tidak ada seorang pun akan dihalang daripada menggunakan (kecuali hal rasmi), atau mengajar atau mempelajari Bahasa lain

dan, (b) tidak ada mana-mana peruntukan dalam fasal ini yang boleh mengganggu hak kerajaan persekutuan atau mana-mana kerajaan negeri untuk memelihara dan memperkembangkan dan pengkajian Bahasa komuniti lain”.

Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan adalah bermatlamatkan untuk menyatupadukan pelbagai kaum ke arah membentuk sebuah negara yang bersatu melalui satu bahasa sama yang digunakan oleh semua lapisan kaum (Zaid Ahmad *et.al.*, 2006).

(d) Kedudukan Istimewa orang Melayu

Kedudukan istimewa orang Melayu diperuntukkan kepada orang Melayu adalah bayaran pengorbanan bahawa mereka bersetuju dengan syarat kerakyatan longgar yang diberikan kepada orang bukan Melayu. Hak ini adalah sebagai jaminan kepada orang Melayu supaya mereka dapat memperoleh kekayaan ekonomi di bumi mereka sendiri yang sejak sekian lama menjadi monopoli orang bukan Melayu. Dengan peruntukan hak istimewa ini, jurang ekonomi yang juga merupakan jurang perkauman diharap dapat diperkecilkan atau dihapuskan sama sekali. Sekiranya, hak istimewa orang Melayu dihapuskan ia akan menjejaskan perpaduan kaum dan kestabilan negara (Mohd Syarifuddin Abdullah *et.al.*, 2009). Dalam **Perkara 153**, Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab untuk memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan kaum Bumiputra di negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain (Zaid Ahmad *et.al.*, 2006).

SUMPAH DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG

Dalam Perlembagaan Malaysia, terdapat suatu lafaz sumpah yang temaktub untuk jawatan-jawatan yang turut diperuntukkan oleh perlembagaan Persekutuan bagi pelbagai peringkat daripada peringkat paling tinggi dalam sistem Persekutuan iaitu Yang di-Pertuan Agong hingga kepada ahli parlimen dan hakim-hakim. Aturan lafaz sumpah mereka juga telah diterangkan dalam perlembagaan. **Perkara 37**, Perlembagaan Malaysia menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan sebelum menjalankan fungsi baginda. Sumpah jawatan tersebut telah dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Keempat dan haruslah dilafazkan dan ditandatangani di hadapan Majlis Raja-Raja dan dengan kehadiran Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan (atau semasa ketiadaannya dengan kehadiran hakim Mahkamah Persekutuan yang kanan selepasnya yang ada); dan sumpah itu hendaklah diaku saksikan oleh dua orang yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja. Bagi Timbalan Yang di-Pertuan Agong, selain fungsi yang boleh dijalankan bagi maksud memanggil Majlis Raja-Raja bermesyuarat, baginda juga hendaklah mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan seperti yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Keempat di hadapan Majlis Raja-Raja dan dengan kehadiran Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan (atau hakim Mahkamah Persekutuan yang kanan selepasnya yang ada). Kedua-dua lafaz sumpah tersebut turut diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris dan dinyatakan dalam Bahagian III Jadual Keempat. (Undang-undang Malaysia, 1998); https://ms.wikipedia.org/wiki/Sumpah_perlembagaan_jawatan_di_Malaysia). Lafaz sumpah disebut dengan istilah ‘*Wallahi, wabillahi, watallahi*. Ia menunjukkan YDPA diwajibkan oleh Perlembagaan untuk bersumpah dengan nama suci Allah untuk sentiasa berlaku adil dalam pemerintahan, memelihara kedaulatan undang-undang menurut Perlembagaan dan juga memelihara kedaulatan Islam pada setiap masa.

METODOLOGI

Metodologi kajian adalah secara kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan sebagai kaedah penganalisan. Kaedah kualitatif digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang lebih bersifat penerokaan dan kompleks. Data diperolehi melalui sumber data sekunder secara kaedah perpustakaan melalui penelitian kepada artikel dan penyelidikan terdahulu yang dilakukan secara menyeluruh seterusnya dianalisis secara deskriptif. Kajian ini menggunakan data sekunder. Data sekunder adalah data yang dikumpul dan dianalisis oleh orang atau organisasi lain untuk tujuan tertentu, tetapi kemudian digunakan oleh penyelidik lain untuk menjawab soalan kajian yang berbeza. Proses menganalisis dapatan kajian adalah berdasarkan data yang diperolehi secara analisis kajian-kajian terdahulu yang memenuhi tema-tema kajian dan diolah sesuai dengan objektif kajian yang ditetapkan. Data yang dikumpul dalam kajian kualitatif adalah bersifat deskriptif maka ia memerlukan analisis data yang berbeza dengan kaedah kuantitatif. Justeru, kajian ini turut menggunakan

kaedah analisis kandungan menerusi sumber sekunder dengan meneliti penulisan-penulisan yang berkaitan seperti jurnal, buku-buku berkaitan perlembagaan dan sebagainya. Kemudian bahan-bahan yang diperolehi dianalisa secara kajian teks bagi meneliti topik perbincangan dalam penulisan.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN ANALISIS

PERANAN SUMPAAH RABBANI SEBAGAI TERAS PEMBENTUKAN TAPAK INTEGRASI

Sumpah merupakan suatu elemen penting bagi Yang di-Pertuan Agong melaksanakan kuasa yang diberi oleh Raja-raja Melayu. Kuasa sebagai ketua utama Persekutuan hanya boleh dilaksanakan setelah baginda melafazkan sumpah dan menandatangani surat berjawatan seperti diperuntukkan di bawah **Perkara 37** Perlembagaan Persekutuan (Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, 2021). Sumpah Rabbani pula satu istilah yang dikaitkan dengan lafaz sumpah yang menyebut nama Allah. Menurut Dato' Hj Mahamad Naser Disa iaitu Professor pada Industri, Fakulti Undang-undang & Hubungan Antarabangsa UniSZA, sumpah yang di-Pertuan Agong yang termaktub dalam perlembagaan tidak menggunakan nama Sumpah Rabbani. Namun begitu sumpah tersebut dikenali sebagai sumpah Rabbani kerana lafaz sumpah yang termaktub dalam perlembagaan Persekutuan menggunakan istilah 'Wallahi, wabillahi, watallahi.

Penggunaan istilah tersebut menunjukkan Yang di-Pertuan Agong diwajibkan oleh Perlembagaan untuk bersumpah dengan nama suci Allah (Sumpah Rabbani). Sumpah atas nama suci Allah adalah bertujuan untuk memastikan ketua utama Persekutuan sentiasa berlaku adil dalam pemerintahan, memelihara kedaulatan undang-undang menurut Perlembagaan dan juga memelihara kedaulatan Islam pada setiap masa (Hj Mahamad Naser Disa (2022); Streamed live on Aug 26, 2022 USRAH NURANI - Perkongsian cerita dan pengajaran ilmu berkaitan tajuk "Merdeka: Sumpah Rabbani" https://youtu.be/jXjuGrHsY_w).

Lafaz sumpah yang dilakukan oleh ketua utama Persekutuan iaitu Yang di-Pertuan Agong sangat penting kerana terdapat beberapa elemen yang saling berhubungan dengan elemen-elemen tradisi yang menjadi tiang seri Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Ia penting dalam proses mewujudkan perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia dan bertepatan untuk dijadikan teras pembentukan tapak integrasi. Lafaz sumpah Yang di-Pertuan Agong di bawah **Perkara 37**, sebagaimana berikut:

"kami berikrar mengaku dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri"

Antara manifestasi elemen tradisi dalam sumpah Rabbani ialah:

a) Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Persekutuan

Lafaz sumpah dengan nama suci Allah perlu dilakukan sebelum Yang di-Pertuan Agong dapat melaksanakan tugas sebagai ketua utama Persekutuan. Menurut **Perkara 32** Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua utama Persekutuan yang dipilih dalam kalangan sembilan orang Raja-Raja Melayu mengikut Bahagian I dan III Jadual Ketiga, secara bergilir-gilir bagi tempoh lima tahun. Sebagai ketua utama Persekutuan, baginda dan isteri baginda bergelar Raja Permaisuri Agong diberi keutamaan daripada segala orang lain di dalam Persekutuan.

Perkara 32 juga saling berkait dengan **Perkara 3**-Islam Agama bagi Persekutuan iaitu Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipilih dalam kalangan Raja-Raja Melayu. Menurut **Perkara 160(2)**, Perlembagaan Persekutuan Malaysia, orang Melayu ditakrifkan sebagai seorang yang beragama Islam, bertutur Bahasa Melayu serta mengamalkan adat istiadat Melayu (Mohd Ashraf Ibrahim et.al., 2017). Undang-undang tubuh di setiap Negeri Melayu pula mensyaratkan seorang raja hendaklah beragama Islam. Justeru, mustahil seorang yang tidak beragama Islam terpilih sebagai Yang di-Pertuan Agong berdasarkan prinsip perlembagaan pada hari ini. Yang di-Pertuan Agong juga merupakan ketua agama Islam bagi Negeri-negeri yang tidak beraja, selain daripada negeri baginda sendiri dan dikehendaki melafazkan sumpah untuk memelihara agama Islam sebelum memulakan jawatan (Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, 2021)

b) Islam agama bagi Persekutuan

Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan dengan tegas mengisytiharkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan. Peruntukan ini menunjukkan wujud hubungan yang akrab antara Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama Persekutuan yang dipilih dalam kalangan bangsa Melayu dan beragama Islam. Kebenaran buat agama-agama lain diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan tertakluk pada syarat-syarat di bawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan menunjukkan sistem perlembagaan Negara kita menerima masyarakat berbilang-bilang agama di bawah pemerintahan Kerajaan Islam (Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, 2021).

Lafaz sumpah yang terkandung dalam perlembagaan pula menyebut kalimah Allah -*Wallahi, wabillahi, watallahi*, menunjukkan sumpah dilakukan atas nama Tuhan bagi agama Persekutuan iaitu Islam. Lafaz ikrar itu juga menyebut pemimpin akan memelihara agama Islam dan melaksanakan pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri.

c) Hak keistimewaan bangsa Melayu dan Bumiputra

Ketua utama Persekutuan yang dipilih dalam kalangan Raja-raja Melayu dan beragama Islam adalah salah satu perkara yang berkaitan dengan hak keistimewaan bangsa Melayu. Malah, agama Islam dan Institusi Raja-raja Melayu adalah unsur teras jati diri bangsa Melayu yang merupakan bangsa asal Semenanjung Tanah Melayu. Bangsa Melayu dalam perlembagaan Persekutuan Malaysia disebut dalam **Perkara 160(2)**, sebagai seorang yang beragama Islam, bertutur Bahasa Melayu serta mengamalkan adat istiadat Melayu. Hal ini jelas menunjukkan semua elemen tradisi iaitu Institusi Diraja, agama Islam, Bangsa Melayu dan Bahasa Melayu saling berkait rapat antara satu sama lain. Oleh itu, lafaz ikrar Yang disebut dalam sumpah Yang di-Pertuan Agong, dilafazkan oleh pemimpin berbangsa Melayu dan beragama Islam merupakan suatu keistimewaan yang dimiliki oleh bangsa Melayu menjadi ketua utama Perlembagaan dan ketua agama Islam.

d) Bahasa Melayu

Bahasa Melayu mempunyai perkaitan yang rapat dengan jati diri orang Melayu dan digunakan secara meluas sejak dari turun temurun. Maka sebagai salah satu elemen tradisi yang berkait dengan Institusi Raja-raja dan bangsa Melayu, ia dijadikan Bahasa kebangsaan sebagaimana yang terkandung dalam **Perkara 152** yang memperuntukkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Namun, perkara ini juga melindungi bahasa-bahasa lain dan seterusnya memperuntukkan bahawa tiada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (selain daripada maksud rasmi) atau mengajar atau belajar bahasa lain. Pemimpin menyedari bahawa perlu diwujudkan bahasa kebangsaan sebagai medium komunikasi atau bahasa pertuturan umum dan bahasa rasmi negara bagi menyatupadukan rakyat yang terdiri daripada pelbagai etnik. Bahasa Melayu juga menjadi satu lambang penyatuan dan jati diri semua kaum di negara ini selaras dengan prinsip “Bahasa Jiwa Bangsa” (Nazri Muslim, 2011).

KESIMPULAN

Penghayatan Sumpah Rabbani hendaklah dilihat meliputi keempat-empat unsur tradisi iaitu institusi Diraja, Agama Islam, Bangsa Melayu dan Bahasa Melayu yang menjadi tiang seri perlembagaan dalam proses memahami peranan sumpah tersebut sebagai dasar utama pembentukan integrasi dalam masyarakat di Malaysia. Dasar pembentukan integrasi ini dapat membentuk struktur asas Perlembagaan Persekutuan. Justeru, struktur asas Perlembagaan Persekutuan adalah melalui prinsip kedaulatan berpaksikan pada sumpah Yang di-Pertuan Agong berserta perkara-perkara yang saling berkait antara satu elemen dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

RUJUKAN

Ateerah Abdul Razak, Nur Azuki Yusuff, Zaleha Embong (2021). *Penghayatan Etika & Peradaban*. Kelantan: Penerbit UMK.

- Azhar Abdul Aziz, Mohd Asmadi Yakob, Baterah Alias (2020). *Hubungan Etnik: Sejarah dan Praktis Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Tech Production. Cetakan kelima.
- Mahamad Naser Disa (2022). *Majalah Sinar Rohani*. Bil 1/2022. *Patriotisme Teras Penyatuan Ummah*. https://www.islam.gov.my/uploads/MAJALAH-SINAR-ROHANI-BIL_1_2022.pdf;
- Jabatan Penerangan Malaysia, R05 (B.M) JANUARI 2010 (100), Arkib Negara Malaysia 2010/0008911) dilayari dari <https://www.lembagaperadabanmelayu.org/7-wasiat-raja-raja-melayu.html>
- Kementerian Perpaduan Negara (2021), *Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030*. Dilayari pada 30 Januari 2022 dari laman web <https://www.perpaduan.gov.my>.
- Mansor Mohd Noor (Prof. Dr.) (18 Disember 2018). *Perlembagaan Persekutuan Satukan Bangsa*. dilayari pada 30 Januari 2022 dari laman web <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/12/510462/perlembagaan-persekutuan-satukan-bangsa>
- Mohd Ashraf Ibrahim, Mohd Aris Othman, Chin Kuang Tiu, Amaran@Amran Abdul Malek, Sobri Ismail, Arba Kassim (2018). *Hubungan Etnik -Edisi kedua (Siri Pendidikan Guru)*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mohd Syarifudin Abdullah, Mohamad Kamal Kamaruddin, Ahmad Sohaimi Lazim (2009). *Kenegaraan dan Ketamadunan*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Nazri Muslim, Zaharah Hassan & Abdul Latif Samian (2011). Bahasa Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan: Kedudukan dan Peranannya dalam Konteks Komunikasi Perpaduan. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation* 29(1) (2011): 103-120.
- Shamsul Amri Baharuddin (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Undang-undang Malaysia (1998). Undang-undang Umum Jilid Dua: Perlembagaan Persekutuan Bahagian III, IV & VI. MDC Publishers Printers Sdn Bhd. (https://ms.wikipedia.org/wiki/Sumpah_perlembagaan_jawatan_di_Malaysia)
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain (2021). Suatu Pengenalan Struktur Asas Perlembagaan Dari Perspektif Malaysia [An Introduction To The Basic Structure Of The Constitution From The Malaysia Perspective], *Qallam International Journal Of Islamic And Humanities Research*, Volume 1, Issue 1, 2021.
- Zaid Ahmad, Ho Hui Ling, Sarjit Singh Gill, Ahmad Tarmizi Talib, Ku Halim Ku Arifin, Lee Yok Fee, Nazri Muslim, Ruslan Zainuddin (2006). *Hubungan Etnik Di Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.